



## SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 1981

Tuan,

### PEMAKAIAN PERATURAN - PERATURAN LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT PERKHIDMATAN AWAM 1972 (P.U. (A) 47 / 72) BAGI PEGAWAI - PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM AM PERSEKUTUAN DI SABAH DAN SARAWAK

#### 1. Pendahuluan

1.1. Adalah dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Cawangan Sabah dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Cawangan Sarawak telah dimansuhkan melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) 1981 (Akta A514). Dengan pemansuhan itu maka semua kuasa-kuasa Cawangan-cawangan Suruhanjaya itu telah berpindah ke bawah bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan. Walau bagaimanapun oleh kerana kuasa-kuasa bagi kenaikan pangkat, pemangkuan dan penanggungungan kerja Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan telah dipindahkan kepada Lembaga-lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam yang ditubuhkan mengikut Fasal 5 (B) Perkara 144, Perlembagaan Persekutuan, maka semua urusan kenaikan pangkat, pemangkuan dan penanggungungan kerja bagi Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan yang dahulunya di bawah bidangkuasa Cawangan-cawangan Suruhanjaya itu, mulai dari 15hb Mei, 1981 adalah terletak di bawah bidangkuasa Lembaga-lembaga Kenaikan Pangkat yang ditubuhkan di bawah [Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan pangkat Perkhidmatan Awam 1972 \(P.U. \(A\) 47 / 72\)](#).

1.2 Surat Pekeliling ini dikeluarkan dengan tujuan hendak menerangkan peraturan dan tatacara yang harus diikuti selaras dengan perubahan itu.

#### 2. Bidang Liputan

2.1 Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan (selepas daripada ini disebut Pegawai Persekutuan) yang dimaksudkan dalam Surat Pekeliling ini, adalah terdiri dari pegawai-pegawai dalam Kumpulan "A", Kumpulan "B", Kumpulan "C" dan Kumpulan "D" dalam golongan berikut :

- (a) anggota-anggota Perkhidmatan Awam Am Persekutuan yang diambil bekerja dalam sesuatu Jabatan Persekutuan di Negeri Sabah atau Sarawak;
- (b) anggota-anggota Perkhidmatan Awam Negeri Sabah atau Sarawak yang dipinjamkan ke Perkhidmatan Awam Am Persekutuan; dan
- (c) anggota-anggota Perkhidmatan Awam Negeri Sabah atau Sarawak yang berkhidmat dalam jawatan-jawatan Persekutuan atau dalam mana - mana jawatan yang dijadikan jawatan Persekutuan di Negeri itu dan yang telah membuat pilihan untuk menjadi anggota-anggota Perkhidmatan Awam Am Persekutuan.

#### 3. Lembaga Kenaikan Pangkat

3.1 Semua urusan kenaikan pangkat, pemangkuan dan penanggungungan kerja bagi Pegawai Persekutuan yang berkenaan adalah di bawah bidangkuasa Lembaga-lembaga Kenaikan Pangkat yang ditubuhkan di bawah [Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1972 \(P.U. \(A\) 47 / 72\)](#).

#### **4. Kenaikan Pangkat ke Tingkatan Khas dan ke Tingkatan Kanan (Kod Gaji A12 dan A11) dan ke atas bagi Kumpulan "A"**

4.1 Semua perakuan kenaikan pangkat, pemangkuan dan penanggungungan kerja bagi pegawai-pegawai Kumpulan "A" ke Tingkatan Khas dan ke Tingkatan Kanan (Kod Gaji A12 dan A11) dan ke atas, hendaklah dibuat oleh Ketua Setiausaha Kementerian atau Ketua Jabatan Persekutuan mana yang berkenaan kepada Lembaga Kenaikan Pangkat yang ditubuhkan di bawah perenggan 1 (i) Jadual Pertama, [Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1972 \(P.U. \(A\) 47 / 72\)](#). Oleh kerana Jabatan Perkhidmatan Awam adalah Urusetia kepada Lembaga Kenaikan Pangkat ini, maka semua perakuan hendaklah dibuat kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

#### **5. Kenaikan Pangkat dalam Kumpulan "A11 (tidak termasuk ke Tingkatan Khas dan ke Tingkatan Kanan (Kod Gaji A12 dan A11) dan ke atas), Kumpulan "B" dan Kumpulan "C"**

5.1 Semua urusan kenaikan pangkat, pemangkuan dan penanggungungan kerja dalam Kumpulan "A" melainkan ke Tingkatan Khas dan ke Tingkatan Kanan (Kod Gaji A12 dan A11) dan ke atas, dan dalam Kumpulan "B" dan Kumpulan "C" adalah di bawah bidangkuasa Lembaga-lembaga Kenaikan pangkat yang ditubuhkan di bawah [Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1972 \(P.U. \(A\) 47 / 72\)](#). Walau bagaimanapun, sehingga ke suatu tarikh yang ditentukan kelak, penyelenggaraan urusan berkenaan akan dijalankan oleh Panel Kenaikan Pangkat yang terdiri daripada pegawai-pegawai seperti dalam Jadual kepada Surat Pekeliling ini.

#### **6. Kenaikan Pangkat dalam Kumpulan "D"**

6.1 Semua urusan kenaikan pangkat, pemangkuan dan penanggungungan kerja (di mana berkenaan) dalam Kumpulan "D" adalah di bawah bidangkuasa Lembaga Kenaikan Pangkat yang dianggotai oleh Ahli-ahli seperti berikut :

Pengerusi	...	Ketua Jabatan di peringkat Negeri
Ahli	... ..	Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Perkhidmatan dan Perjawatan, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak atau Penolong Setiausaha (Perjawatan) Sabah, mana yang berkenaan

#### **7. Peruntukan-peruntukan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1978**

7.1 Dalam melaksanakan peraturan-peraturan dalam Surat Pekeliling ini peruntukan-peruntukan dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1978](#) berhubung dengan kenaikan pangkat ke jawatan-jawatan Persekutuan di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak hendaklah dipatuhi sepenuhnya.

#### **8. Tugas dan Tanggungjawab Panel Kenaikan Pangkat**

8.1 Panel Kenaikan Pangkat hendaklah menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawabnya sebagaimana ianya dijalankan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat yang ber-

kenaan itu sendiri mengikut peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa. Walau bagaimanapun, Panel Kenaikan Pangkat ini tidak mempunyai kuasa membuat keputusan.

8.2 Panel Kenaikan pangkat dalam menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawabnya boleh melaksanakan dengan cara-cara seperti berikut :

- (i) Membuat tapisan secara temuduga atau tanpa temuduga bagi urusan kenaikan pangkat atau pemangkuan dengan tujuan naik pangkat ke jawatan-jawatan kenaikan pangkat dalam Kumpulan "A" melainkan ke Tingkatan Khas dan ke Tingkatan Kanan (Kod Gaji A12 dan A11) dan ke atas.
- (ii) Mengadakan urusan temuduga bagi urusan kenaikan pangkat ke jawatan-jawatan dalam Kumpulan "B" dan Kumpulan "C".

8.3 Perakuan Panel Kenaikan Pangkat hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan sebaik sahaja urusan itu selesai. Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan hendaklah menimbangkan perakuan itu dan membuat keputusannya. Keputusan ini akan disampaikan kepada Panel Kenaikan Pangkat yang seterusnya akan mengambil langkah menyiarkannya bagi pihak Pengerusi Lembaga Kenaikan Pangkat berkenaan.

## **9. Urusetia kepada Panel Kenaikan Pangkat**

9.1 Pejabat Pegawai Perjawatan (Persekutuan) Sabah dan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak mengikut mana yang berkenaan adalah dipertanggungjawabkan sebagai Urusetia kepada Panel Kenaikan Pangkat. Semua Jabatan di Negeri Sabah dan di Negeri Sarawak hendaklah mengambil tindakan mengemukakan perakuan dan maklumat yang lengkap mengenai sesuatu urusan kenaikan pangkat, pemangkuan dan penanggungungan kerja bagi Pegawai Persekutuan yang berkhidmat di Jabatan masing-masing kepada Urusetia yang seterusnya akan mengemukakannya kepada Panel Kenaikan Pangkat itu.

## **10. Urusetia Lembaga Kenaikan Pangkat Kumpulan "D"**

10.1 Pejabat Pengerusi Lembaga Kenaikan Pangkat adalah dipertanggungjawabkan sebagai Urusetia kepada Lembaga kenaikan Pangkat Kumpulan "D"

## **11. Am**

11. Ketua-ketua Setiausaha adalah dikehendaki memaklumkan kandungan Surat Pekeliling ini kepada Lembaga-lembaga Kenaikan Pangkat di bawah Kementerian masing-masing. Jika terdapat sebarang keraguan mengenai perkara ini silalah berhubung dengan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

## **12. Tarikh Kuatkuasa**

12.1 Surat Pekeliling ini hendaklah disifatkan telah berkuatkuasa mulai dari 15hb Mei, 1981.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
Saya yang menurut perintah,

(SULAIMAN BIN HASHIM)

*Pengarah Bahagian Perkhidmatan,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.*

11hb November, 1981

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan,  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

**JADUAL  
KEANGGOTAAN PANEL KENAIKAN PANGKAT<sup>1</sup>**

1. Bagi Negeri Sabah

- (a) Bagi Pegawai Persekutuan dalam Kumpulan "A" (tidak termasuk kenaikan pangkat ke Tingkatan Khas (A12) ke Tingkatan kanan (A11) dan ke atas) dan Kumpulan "B".

Pegawai Perjawatan (Persekutuan), Sabah	...	...	...	...	...	Pengerusi
Ketua Penolong Pegawai Kewangan Persekutuan			...	...	...	Ahli
Ketua Jabatan Tempatan berkenaan atau wakilnya (Kumpulan "A").						Ahli

- (b) Bagi Pegawai Persekutuan dalam Kumpulan "C"

Ketua Penolong Pegawai Perjawatan (Persekutuan)			...	...	...	Pengerusi
Penolong Pegawai Kewangan Persekutuan	...	...	...	...	...	Ahli
Ketua Jabatan Tempatan berkenaan atau wakilnya (Kumpulan "A")					..	Ahli

2. Bagi Negeri Sarawak.

- (a) Bagi Pegawai Persekutuan dalam Kumpulan "A" (tidak termasuk kenaikan pangkat ke Tingkatan Khas (A12), ke Tingkatan Kanan (A11) dan ke atas) dan Kumpulan "B".

Pegawai Perjawatan (Persekutuan), Sarawak	...	...	...	...	...	Pengerusi
Ketua Penolong Pegawai Kewangan Persekutuan			...	...	...	Ahli

Ketua Jabatan Tempatan berkenaan atau wakilnya (Kumpulan "A") Ahli

(b) Bagi Pegawai Persekutuan dalam Kumpulan "C"

Ketua Penolong Pegawai Perjawatan (Persekutuan) ... .. Pengerusi

Penolong Pegawai Kewangan Persekutuan ... .. Ahli

Ketua Jabatan Tempatan berkenaan atau wakilnya (Kumpulan "A") .. Ahli

Jadual Keanggotaan Panel Kenaikan, Pangkat ini membatalkan dan menggantikan Jadual asal menurut SPP Bil. 9/82 berkuatkuasa pada 10/4/1982.

Jadual asal ialah :

**JADUAL  
"KEANGGOTAAN PANEL KENAIKAN PANGKAT"**

1. Bagi Negeri Sabah

(a) Bagi Pegawai Persekutuan dalam Kumpulan "A" (tidak termasuk kenaikan pangkat ke Tingkatan Khas dan ke Tingkatan Kanan (Kod Gaji A12 dan A11) dan ke atas) dan Kumpulan "B" :

Setiausaha Persekutuan, Sabah ... .. Pengerusi

Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah ... .. Ahli

Ketua Jabatan berkenaan ... .. Ahli

(b) Bagi Pegawai Persekutuan dalam Kumpulan "C" :

Pegawai Perjawatan (Persekutuan), Sabah ... .. Pengerusi

Ketua Penolong Pegawai Kewangan Persekutuan, Sabah ... .. Ahli

Wakil Ketua Jabatan berkenaan ... .. Ahli

2. Bagi Negeri Sarawak

(a) Bagi Pegawai Persekutuan dalam Kumpulan "A" (tidak termasuk kenaikan pangkat ke Tingkatan Khas dan ke Tingkatan Kanan (Kod Gaji A12 dan A11) dan ke atas) dan Kumpulan

-

Kumpulan

"B" :

Setiausaha Persekutuan Sarawak	...	...	...	...	...	...	...	...	Pengerusi
Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak			...	...	...	...	...	...	Ahli
Ketua Jabatan berkenaan	...	...	...	...	...	...	...	...	Ahli

(b) Bagi Pegawai Persekutuan dalam Kumpulan "C"

Setiausaha Bahagian (Perjawatan), Sarawak	...	...	...	...	...	...	Pengerusi	
Ketua Penolong Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak						...	...	Ahli
Wakil Ketua Jabatan berkenaan	...	...	...	...	...	...	...	Ahli